



# **MENINGKATKAN PENGUASAAN PENGGUNAAN KATA ADJEKTIF MELALUI PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN**

---

Mohamad Khair Johari  
Noraini Abdullah Hee  
Zubaidah Zainal Abidin

Sekolah Rendah Rivervale

## **Abstrak**

Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah Rivervale telah menjalankan proses pembelajaran berdasarkan pengalaman dengan mengadaptasikan teori '*Experiential Learning Theory*' oleh David A Kolb (1984) bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pendekatan ini memerlukan murid melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman yang konkrit, dan membuat pemerhatian serta renungan tentang pengalaman tersebut. Di samping itu, murid juga dikehendaki menghasilkan konsep abstrak berdasarkan pemerhatian dan renungan yang dibuat dan membuat kajian aktif terhadap apa yang dipelajari dalam situasi yang berbeza. Pembelajaran berdasarkan pengalaman ini dijalankan untuk murid-murid dari Darjah 1 hingga Darjah 6. Bagi kertas kerja ini, kami akan membentangkan kesan pembelajaran berdasarkan pengalaman dalam meningkatkan penguasaan menggunakan kata adjektif murid-murid Darjah 3 dan 4.

## **Pengenalan**

Kata adjektif ialah golongan kata yang dapat menerangkan sesuatu keadaan atau sifat dengan lebih terperinci. Apabila kata adjektif dapat digunakan dengan betul di dalam ayat atau karangan, ayat atau cerita yang dihasilkan akan menjadi lebih menarik. Kami telah menjalankan pembelajaran berdasarkan pengalaman untuk murid bagi mempertingkatkan penguasaan murid dalam penggunaan kata adjektif.

## **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk :-

1. menilai keberkesanan pengajaran berdasarkan pengalaman dalam memperluaskan penggunaan kata adjektif dalam kerja sekolah harian murid terutamanya dalam pembinaan ayat dan penulisan karangan; dan
2. meneliti keberkesanan pendekatan yang dijalankan untuk mempertingkatkan penggunaan kata adjektif dengan membiasakan murid dengan kata adjektif yang boleh dipelajari berdasarkan pengalaman di luar persekitaran bilik darjah.

## **Permasalahan Kajian**

Komponen kata adjektif adalah satu komponen yang tidak diuji dalam kertas peperiksaan bahasa Melayu. Seringkali kepentingannya dipandang ringan. Namun, penguasaan kata adjektif diperlukan bagi menerangkan ciri-ciri watak, sifat, keadaan dan persekitaran. Oleh itu kajian ini memperkenalkan strategi pembelajaran berdasarkan pengalaman untuk meningkatkan penggunaan kata adjektif dalam penulisan murid. Pembelajaran berdasarkan pengalaman ini lebih dekat dengan murid-murid dan bersifat lebih autentik.


## Kajian Lepas

Teori pembelajaran berdasarkan pengalaman ini merangkumi empat perkara berurutan, iaitu melakukan, memerhati, berfikir dan merancang. Model ini boleh dimulakan di mana-mana tahap tetapi ia perlu mengikut urutan. Aktiviti-aktiviti seperti lawatan ke tempat-tempat sasaran seperti pasar raya, kantin sekolah dan kawasan kejiranan merupakan tempat murid menimba pengalaman. Namun, ini tidak terhad kepada pembelajaran di luar bilik darjah. Pembelajaran ini juga boleh dijalankan di dalam bilik darjah dengan melakukan aktiviti menonton video, main peranan dan menyelesaikan masalah berdasarkan senario yang diberikan kepada murid tersebut.

## Kaedah Kajian

Teori Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman David A Kolb (1984) telah diadaptasi untuk membantu guru merancang pengajaran yang akan dapat membantu murid untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam penggunaan kata adjektif. Teori ini melibatkan pendekatan empat langkah seperti yang berikut:

Rajah 1: *4-Steps Cycle in RIV BE* (Diadaptasi daripada David A Kolb's *Experiential Learning Theory*)



## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 3 dan 4. Murid terdiri daripada murid berkeupayaan tinggi atau '*higher ability*' (HA), berkeupayaan sederhana atau '*middle ability*' (MA) dan berkeupayaan rendah atau '*lower ability*' (LA). Pelajar HA boleh mengarang dengan baik tetapi kurang menggunakan kata adjektif bagi menerangkan keadaan, emosi dan sifat. Kosakata mereka berkaitan dengan kata adjektif terhadap kepada perkataan 'baik' dan 'jahat'. Dari segi emosi pula, murid hanya menggunakan perkataan 'sedih', 'gembira' dan 'marah'. Empat orang guru telah menjalankan aktiviti untuk meningkatkan penguasaan kata adjektif murid.

## Prosedur Kajian

Pemerhatian guru dan sikap murid penting dalam kajian ini. Guru mencungkil pengetahuan murid dengan mengadakan aktiviti *K-W-L*. Murid menerangkan tentang aktiviti yang akan dilakukan. Guru melakukan aktiviti yang hampir serupa agar dapat melihat kesan daripada pembelajaran berdasarkan pengalaman. Sebagai contoh, murid Darjah 3 menulis tentang makanan kegemaran mereka. Mereka perlu menerangkan tentang makanan tersebut. Melalui aktiviti ini guru mendapati bahawa murid hanya menerangkan tentang rasa sahaja bagi makanan tersebut. Murid kemudian diberikan sekeping biskut 'Oreo'. Mereka dikehendaki menggunakan deria untuk menulis tentang warna bentuk dan bau. Ternyata, dengan panduan dan perbincangan secara berkumpulan, kosakata yang mereka berikan lebih pelbagai. Melalui hasil kerja murid guru dapat memantau keberkesanan sesuatu aktiviti pembelajaran berdasarkan pengalaman.

## Proses

Berikut ialah proses yang dijalankan:

1. Guru mengumpulkan data tentang penggunaan kata adjektif murid dalam komponen lisan dan penulisan karangan sebelum pelaksanaan pengajaran ini.
2. Seterusnya, guru mengajar murid tentang konsep dan penggunaan kata adjektif mengikut kebolehan murid.
3. Kemudian pengajaran berdasarkan pengalaman dilaksanakan. Murid dibawa ke tempat-tempat yang berbeza di sekolah seperti padang dan taman-eko. Murid ditugaskan untuk menggunakan lima panca indera mereka untuk menerangkan apa yang mereka perhatikan di tempat-tempat tersebut. Kemudian, murid menulis tentang pemerhatian mereka di lembaran kerja yang disediakan.
4. Setelah itu, murid perlu berkongsi tentang hasil pembelajaran mereka menerusi sesi perbincangan di dalam kelas.
5. Guru memantau perkongsian tersebut bagi memastikan ketepatan penggunaan kata adjektif oleh murid.
6. Kemudian guru menjelaskan tentang jenis kata adjektif yang lain seperti kata adjektif warna, bentuk, saiz, masa, perasaan dan sebagainya.
7. Murid mengaplikasikan pengetahuan yang baharu itu dalam konteks yang berbeza berdasarkan soalan aras tinggi yang diajukan oleh guru. Guru menekankan kepentingan kata adjektif dalam penulisan karangan murid.

8. Murid melengkapkan lembaran kerja yang memerlukan mereka melengkapkan dan membina ayat menggunakan kata adjektif yang tepat.

## **Dapatan Kajian**

Selepas melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman ini, guru mendapati bahawa secara keseluruhan ayat yang dibina murid lebih baik daripada sebelumnya. Ini dapat dilihat melalui penulisan karangan murid yang menunjukkan peningkatan dalam penggunaan kata adjektif untuk menerangkan perasaan dan suasana persekitaran dalam cerita mereka. Idea yang ingin disampaikan oleh murid lebih jelas dengan menggunakan kata adjektif yang lebih tepat dalam penulisan karangan mereka.

## **Keterbatasan Kajian**

Terdapat beberapa kelemahan daripada pembelajaran ini. Murid terlalu bergantung kepada bahasa Inggeris. Mereka memberi kata adjektif dalam bahasa Inggeris kemudian murid meminta guru menterjemahkannya untuk mereka. Oleh sebab itu, penggunaan kamus amat penting dalam aktiviti-aktiviti yang memerlukan murid mengeluarkan kosa kata mereka sendiri. Bagi murid LA pula, mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkataan yang sesuai tanpa bimbingan guru. Aktiviti ini dapat dilakukan dengan menggabungkan kelas-kelas HA, MA dan LA supaya mereka dapat berbincang dan tidak terlalu bergantung kepada guru sahaja.

Guru juga menghadapi masalah terhadap sekumpulan murid yang tidak menggunakan kata adjektif dengan tepat dalam situasi yang diberikan. Guru perlu mendedahkan murid kepada konteks-konteks tertentu yang membolehkan perkataan-perkataan adjektif yang dipelajari dapat digunakan. Bagi menangani masalah ini, guru boleh menggunakan petikan akhbar atau buku cerita yang mengandungi kata adjektif. Selain

itu, murid perlu digalakkan untuk membaca bahan-bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Murid juga boleh mencatatkan perkataan-perkataan yang dipelajari serta penggunaannya dalam buku catatan mereka supaya murid mempunyai koleksi perkataan adjektif untuk mempertingkatkan penggunaan kata adjektif dalam penulisan mereka.

## **Kesimpulan**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berdasarkan pengalaman dapat memperkaya kata adjektif murid. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam kajian ini, para guru dapat menanganinya. Penggunaan klip video, objek maujud dan aktiviti yang dilaksanakan menjadikan pembelajaran lebih menarik dan merangsang minat murid untuk mempelajari Bahasa Melayu.

## **Rujukan**

Kolb, D. (1984). *Experiential Learning*, New Jersey: Prentice Hall, Inc.